

# Teruskan ceramah strategi Pas tuduh kerajaan tidak demokrasi

84 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas sengaja tidak menghiraukan larangan mengadakan ceramah secara terbuka, sebagai strategi politik parti pembangkang itu untuk menuduh kerajaan tidak mengamalkan demokrasi.

Perdana Menteri berkata, Pas berbuat demikian supaya penyokongnya ditangkap hingga kerajaan dituduh mempraktikkan konsep negara polis.

Beliau menyifatkan tindakan itu sebagai politik yang keterlaluan kerana niat Pas bukan bertujuan membangunkan negara, sebaliknya bagi menimbulkan kebencian terhadap kerajaan supaya parti itu mendapat sokongan untuk merebut kuasa.

“Walaupun kita benarkan kebebasan bersuara, kebebasan bersuara ada hadnya. Kita tak nak kebebasan bersuara sehingga negara tidak stabil kerana kegiatan politik yang keterlaluan, hingga semuanya dipolitikkan,” katanya selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kement-

rian Kewangan di sini, hari ini.

Polis memperketatkan syarat pengeluaran permit ceramah politik di seluruh negara bagi mengekang kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan, berkuat kuasa pertengahan bulan lalu.

Bagaimanapun, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan timbalannya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menegaskan parti itu akan meneruskan ceramah di seluruh negara sambil menyifatkan demokrasi di negara ini akan mati jika ia dibiarkan.

Dr Mahathir berkata, seperti yang dijelaskannya pada majlis Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) semalam, negara lain menghentikan kempen selepas pilihan raya.

Tetapi di Malaysia, katanya, Pas selepas pilihan raya akan terus berkempen sehingga pilihan raya akan datang.

“Dia kempen saja tak apa, tetapi dia menyebabkan orang menjadi ‘agitated’ (resah) kerana kemennya berpusat kepada membenci kerajaan. Walaupun dia tak kata masuk Pas

boleh pergi syurga, orang dia masih bercakap mengenai kerajaan ini tidak Islam dan sebagainya.

“Ini menyebabkan ramai orang tidak boleh buat kerja, tidak boleh belajar, kerana mereka terlalu resah disebabkan kempen membenci seperti itu.

“Dalam masjid, dia berceramah, maki orang dalam masjid, dalam universiti dia pergi kacau... merata tempat, seolah-olah tidak berhenti langsung kempen, walaupun kita benarkan kebebasan bersuara, tetapi ia ada hadnya,” katanya.

Katanya, pada majlis dialog semalam juga beliau ditanya sama ada kerajaan boleh mengasingkan isu pendidikan daripada politik.

Beliau berkata, kerajaan bersedia berbuat demikian malah sudahpun memisahkan isu itu,

tetapi Pas mempolitikkannya di tadika, sekolah dan universiti dan usaha itu diteruskan apabila pelajar memasuki alam pekerjaan.

“Di Amerika, England, Jerman, di mana-mana pun selepas pilihan raya, mereka secara sukarela berhenti daripada (berkempen). Dalam *Harakah*, tiap-tiap hari ada 100 tempat dia (Pas) ceramah.

“Semuanya sama kalau anda pergi dengar, itu sajalah... maki kerajaan, lempar fitnah. Jadi negara kita tak dapat menjadi tenang kerana kegiatan yang keterlaluan.

“Sebab itu kerajaan mengambil tindakan untuk menghentikan (ceramah terbuka)... itu pun kita benar kalau dalam rumah, kita tak gaduh. Ini pasal nak buat tepi jalan, apa semua...,” katanya.